

30/01/1999

Singkir pemimpin sokong spekulator: PM (HL)

Azizi Othman in Davos (Switzerland)

DAVOS (Switzerland), Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemimpin negara maju yang memberi perlindungan kepada peniaga mata wang serta mendakwa kononnya tidak dapat mengawal operasi mereka, sepatutnya meletak jawatan atau disingkirkan.

Menurut Perdana Menteri, perkembangan semasa jelas membuktikan bahawa operasi peniaga mata wang selama ini langsung tidak membawa sebarang manfaat kepada ekonomi dunia.

Mengulangi pendiriannya berhubung isu itu ketika berucap di jamuan tengah hari sempena Forum Ekonomi Dunia (WEF) di sini hari ini, beliau membidas peniaga mata wang dan negara yang bersekongkol dengan mereka.

"Peniaga mata wang hanya mementingkan laba semata-mata dan mereka secara jelas memusnahkan sejumlah besar kekayaan beberapa negara semata-mata untuk mengisi kantung sendiri.

"Kita sebenarnya tidak memerlukan mereka ini, yang hanya memberi kerosakan, sama seperti sekawan lembu," tegas Dr Mahathir.

Beliau tiba di bandar peranginan di pergunungan Alps Switzerland ini semalam sebagai memenuhi undangan menghadiri WEF yang bermula hari ini dan berakhir esok. Petang ini beliau menghadiri sesi Diskusi Ekonomi Dunia (WEB).

Perdana Menteri berkata, jika dagangan mata wang tidak dapat dihapuskan sepenuhnya, ia sekurang-kurangnya perlu dikawal jika dunia percaya dan benar-benar memperjuangkan keamanan, demokrasi dan kesaksamaan.

"Hanya jika dunia sanggup mengawal atau memansuhkan dagangan mata wang, barulah kita semua dapat melihat pemulihan ekonomi sejagat dan pengagihan kekayaan dengan lebih adil," katanya.

Ucapan Dr Mahathir yang bertemakan "Malaysia: Melantun Semula Dari Ambang (kebankrapan)" itu juga secara terbuka mendedahkan negara maju tertentu yang sentiasa cuba melindungi kepentingan peniaga mata wang.

"Memang hakikatnya dagangan mata wang memberi kekayaan kepada kapitalis tertentu di negara maju tetapi harus diingat, ia adalah atas penindasan terhadap masyarakat serta negara yang lebih miskin," katanya.

Beliau menjelaskan, Malaysia pernah merayu kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk menghadkan kegiatan dagangan mata wang tetapi tidak mendapat perhatian sewajarnya.

"(Pengarah Urusan IMF, Michel) Camdessus sekadar membalasnya dengan secebis nota menyatakan bahawa dagangan mata wang terlalu besar, membabitkan bank gergasi di Barat dan tiada apa yang boleh dibuat untuk mengawalinya.

"Inilah yang kita tidak faham. Pada kami, jelas dagangan mata wang ialah akar umbi kegawatan kewangan tetapi nampaknya hak peniaga mata wang lebih penting daripada ekonomi dunia sehingga mereka tidak boleh 'dikecewakan' walau sedikit pun," katanya.

Apa yang ketara, kata Perdana Menteri, sistem yang diamalkan itu lebih penting sehingga ia menjadi seolah-olah satu 'kepercayaan' yang mesti ditegakkan walaupun membawa kemusnahan.

"Keutuhan ekonomi dunia nampaknya kini tidak sepenting kehendak pasaran terbuka atau hak peniaga mata wang," katanya.

Dr Mahathir berkata, kerana Malaysia hanya sebuah negara kecil dan ekonominya tidak penting kepada dunia, soal sama ada ia akan musnah, rakyatnya kelaparan atau memberontak adalah perkara remeh.

Lebih malang lagi kata Perdana Menteri, ialah pihak tertentu yang

berkepentingan cuba mempersalahkan kerajaan dan pemimpin negara lain kerana kononnya lemah dan menjadi punca sebenar kegawatan itu.

"Namun hakikatnya, peniaga mata wang tidak pernah berminat terhadap sebarang tindakan kerajaan, sebaliknya hanya bertindak berdasarkan di mana ada kekayaan yang boleh mereka `rompak`.

"Ada negara yang ditadbir dengan lebih lemah tetapi peniaga mata wang tidak berminat dengannya kerana ia terlalu miskin untuk disamun menggunakann kaedah penurunan nilai mata wang," katanya.

Dr Mahathir berkata, dakyah mengenai pentadbiran kerajaan yang baik itu hanya propaganda untuk mengabui mata dunia kerana peniaga mata wang bukannya peduli jika sekalipun sesebuah negara dipimpin oleh pengganas, asalkan ada peluang untuk mereka mengaut kekayaan.

Sehubungan itu, Perdana Menteri menegaskan, beliau tidak akan berganjak daripada pendiriannya mengenai isu kawal selia mata wang yang pertama kali dibangkitkannya di Mesyuarat Tahunan IMF/Bank Dunia di Hong Kong pada September 1997.

(END)